

Kamera badan jaga imej penguat kuasa

Penggunaan kamera badan pada pegawai penguat kuasa boleh membantu menangani kes salah laku. Dalam konteks lebih luas, hasrat murni kerajaan perlu difahami iaitu sebagai inisiatif menjaga dan memelihara imej serta martabat pasukan penguat kuasa di negara ini.

Hakikatnya terlalu banyak kes dilaporkan membabitkan salah laku anggota penguat kuasa. Dengan kuasa diberi, segelintir yang mementingkan diri mula mencemarkan nama keseluruhan jabatan.

Misalnya dilaporkan negara mengalami kebocoran hasil antara RM3 bilion dan RM5 bilion setahun di pintu keluar masuk, yang antara lain berpunca daripada masalah integriti pegawai penguat kuasa bertugas.

Tidak kurang juga laporan berbentuk fitnah, tuduhan dan tohmahan terhadap anggota dengan niat mencemarkan nama individu atau agensi tertentu.

Secara prinsip, Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah

(JKKMAR) bersetuju melaksana pendekatan itu bagi memperkasa kecekapan dan integriti pegawai penguat kuasa, berikutan aduan salah laku individu yang berurusan atau yang disiasat, termasuk dakwaan dipukul.

Penggunaan kamera badan ini membolehkan setiap perbuatan dan percakapan pegawai dirakam, sekali gus boleh mengelak salah laku seperti dakwaan pelanggan dipukul.

Dengan adanya kamera ini, kita boleh tahu dakwaan itu berasas atau tidak.

Dari segi operasi, penguat kuasa boleh menggunakan kamera ini ketika menjalankan pemeriksaan pemandu di jalan raya, mengeluarkan saman, menemubual saksi, mengejar serta menangkap penjenayah.

Rakaman video boleh dimuat naik ke dalam sistem pangkalan data agensi berkaitan untuk rekod dan semakan.

Antara kelebihan lain klip video turut memaparkan tarikh dan masa, selain koordinat lokasi sesuatu kejadian atau rakaman

dibuat. Video pula boleh disimpan bertahun lamanya bagi membolehkan pasukan penguat kuasa memberi akses kepada mangsa dan orang awam untuk membantu menyelesaikan sesuatu insiden jenayah yang mungkin mengambil masa lama.

Sudah banyak negara luar menggunakannya selama ini, antaranya Australia, Kanada, Singapura, United Kingdom, Ireland Utara dan Amerika Syarikat.

Harapnya tidak ada lagi pihak yang mempertikai inisiatif kerajaan ini demi menangani segala bentuk salah laku dan seterusnya meningkatkan rasa hormat dan kepercayaan masyarakat terhadap anggota penguat kuasa.

Kita tidak mahu anggota masyarakat berterusan berprasangka buruk terhadap pasukan penguat kuasa. Memang ada segelintir anggota penguat kuasa melakukan onar dan mencemarkan nama agensi, tetapi janganlah menghukum keseluruhan agensi hanya kerana nila setitik.

Anggota penguat kuasa pula, diharap menerima langkah ke-

rajaan ini dengan hati terbuka dan minda yang positif. Jangan beranggapan kerajaan cuba mengekang pergerakan atau kebebasan pegawai, apatah lagi menjatuhkan hukuman, sebaliknya lihatlah daripada sudut pandang lebih positif ke arah menghindarkan agensi daripada fitnah, sekali gus memartabatkan imej diri dan agensi masing-masing.

Kita percaya langkah ini bakal membabitkan peruntukan agak besar, jadi urusan perolehan kamera mesti dilaksanakan dengan telus, serta membeli kamera berkualiti dan mengikut spesifikasi diperlukan.

Aspek penggunaan, penjagaan dan penyelenggaraan kamera juga perlu diberi perhatian serius supaya tidak menjadi gajah putih atau cepat rosak, sekali gus tidak membantu mencapai objektif dan matlamat asal.

Noor Mohamad Shakil Hameed,
Timbalan Pengarah Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM)